

29/06/2003

The Age, Melbourne cuba perkecil sumbangan Dr Mahathir

Munshi

AKHBAR Australia, The Age, 23 Jun lalu, menyiarkan berita ringkas mengenai

Perhimpunan Agung Umno, dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi ucapan penggulungan terakhir sebagai Presiden Umno.

Munshi: Nampaknya apabila ada peluang, akhbar Australia pasti mengambil

kesempatan sama ada menyindir, mengejek, mengkritik atau mengecam Dr Mahathir, dasar kerajaan atau masyarakat Melayu amnya.

Berita The Age itu dengan tajuk "Malaysia's slave of Allah farewells faithful" tidak langsung menunjukkan betapa Dr Mahathir disanjung rakyat dan sumbangannya amat dihargai.

Ucapan Dr Mahathir dipecah-pecahkan dan bahagian yang dirasakan wartawan

The Age, Mark Baker, sebagai patut disentuh, diulasnya dengan sinis.

Apa yang berlaku itu menunjukkan sikap angkuh media Australia yang selama ini sememangnya gemar memperkecilkan pemimpin kita dan menyalahkan

setiap dasar kita yang mereka kira tidak sejajar dengan fahaman dan dasar

bebas Barat.

Bagi rakyat Malaysia, Dr Mahathir memang banyak jasanya dengan nama beliau kekal terpahat dalam sejarah sebagai bapa pembangunan moden, perindustrian, pembela, pembangkit semangat dan pejuang Melayu dan seluruh

bangsa Malaysia amnya.

Salah satu cara mengenang jasa beliau adalah membukukan ucapan Dr Mahathir selain menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir.

Namun, bagi The Age, usaha kita menyanjung Dr Mahathir dianggap keterlaluan kerana menganggap Mao Tse Tung lebih hebat dari segi ucapan dan pemikirannya.

Mao, pemimpin komunis zaman Perang Dingin, memanglah hebat bagi 1.2 bilion rakyat China. Seorang pakar teori komunis dengan bukunya The Little

Red Book, beliau juga terkenal kerana amat kejam dan ganas dalam menindas

penduduk Islam di Xinkiang selain menakluki Tibet dan Mongolia. Mao juga menggunakan taktik komunis yang menghasut, menyusup dan kemudian menghukum

rakyat yang enggan menerima ideologi mereka.

Bagi rakyat Malaysia, Dr Mahathir adalah pemimpin unggul yang memartabatkan Melayu dan negara di mata dunia. Beliau sedia berundur daripada tampuk kuasa dan tidak seperti Mao yang terus mabuk kuasa hingga

hari matinya. Dasar Mao ditentang hebat Deng Xiaoping dan dimansuhkan sebaik saja Mao mati.